

J-audit jaga kepentingan rakyat — Sanusi

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Tujuan juruaudit dilantik memeriksa akaun perbadanan awam ialah bagi memelihara kepentingan rakyat dan kepentingan lembaga pengarahnya

Dari itu, mereka perlu mencari kelemahan akaun yang terdapat dalam satu-satu perbadanan tanpa khuatir tidak akan tidak akan dilantik semula menjadi juruaudit perbadanan berkenaan.

Menyedarkan

Ini kerana walaupun lembaga pengarah perbadanan tertentu yang melantik juruaudit awam masing-masing, pada dasarnya setiap juruaudit itu bekerja dengan kerajaan.

"Tidak seperti syarikat-syarikat swasta di mana setiap pemegang saham tahu akan hak mereka dan berkemampuan mem-persoalkan akaun syarikat, perbadanan kerajaan mestilah

diperiksa oleh juruaudit yang tahu tanggungjawab mereka," kata Menteri Kemajuan Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid, hari ini.

Katanya, untuk para akauntan tentang peranan dan tanggungjawab mereka, beliau akan mengarahkan supaya 'Buku Panduan Akaun' dikeluarkan kepada para mereka.

Beliau menyatakan akan mengadakan taklimat khas mengenai perkara tersebut dengan 47 orang akauntan awam yang ada sekarang tidak lama lagi.

Katanya, tindakan ini perlu diambil bagi memelihara kepentingan rakyat selaras dengan tujuan penubuhan perbadanan-perbadanan awam.

Beliau berkata, peranan orang perseorangan tertentu dalam beberapa lembaga pengarah agensi atau perbadanan kerajaan juga perlu dikaji semula.

Encik Sanusi menegaskan,

dalam mengendalikan kementeriaannya, beliau berpegang pada kaedah jaya atau gagalnya sesuatu projek itu bergantung pada dua faktor.

"Pertama faktor orang mengendalikan projek itu dan kedua faktor keadaan projek itu pula," katanya.

Digantikan

Sekiranya projek itu gagal disebabkan oleh faktor pengendalinya, maka ia mesti digantikan dengan pengendali yang lebih dinamik.

"Tetapi jika keadaan projek itu sendiri yang lemah, misalnya kalau di dalam perniagaan, keadaan pasarannya kurang baik, kita mesti mencari jalan bagaimana hendak memperbaikinya," katanya.

Bagaimanapun, sekiranya pengendali dan keadaan pasarannya lemah sekaligus, si pengendali itu perlu diganti dahulu.

"Biar pengendali yang lebih cekap dilantik menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sesuatu projek itu," terangnya.